

Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia

Ab Halim Tamuri
abhalim@ukm.edu.my
Ahmad Munawar Ismail
munawar@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Konflik pasti berlaku dalam kehidupan berumah tangga. Fenomena konflik ni lebih mudah terjadi dalam rumah tangga bermadu disebabkan penglibatan pelbagai pihak. Suami dilihat berperanan penting dalam pengurusan konflik yang berlaku dalam rumah tangga. Sehubungan itu, artikel ini mengemukakan elemen-elemen peranan suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan teknik Fuzzy Delphi. Pendekatan yang digunakan bagi mengumpul data kajian menggunakan instrumen soal selidik. Seramai 10 orang pakar terlibat bagi pembentukan elemen ini dalam bidang kekeluargaan, kaunseling, komunikasi, psikologi serta suami dan isteri rumah tangga bermadu melebihi 5 tahun. Hasil kajian mendapati enam belas elemen peranan suami dalam mengurus konflik rumah tangga bermadu diterima hasil konsensus kumpulan pakar dengan peratus konsensus melebihi 75%, nilai ambang (d) \leq 0.2 dan nilai a cut melebihi 0.5 manakala satu elemen ditolak kerana tidak memenuhi syarat tersebut. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua enam belas elemen peranan suami ini penting bagi mengurus konflik yang berlaku dalam rumah tangga bermadu. Penemuan kajian ini bermanfaat dijadikan panduan kepada suami dalam pengurusan konflik rumah tangga bermadu menurut perspektif Islam.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, ibu bapa, guru, akhlak, amalan

ABSTRACT

The main objective of this study was to examine the students' perception on the effect of social factors on students' akhlak practices. This survey was a quantitative research and employed a set of questionnaire to collect data from the samples. The samples were from four and lower six students who were selected from several secondary schools in Malaysia using the multi stage cluster sampling method. 3,262 students were involved in this study. The data were analysed using SPSS software. From this study, we may conclude that the students' perception on the social factors that contributed towards akhlak practices was positive and the total overall mean was high i.e. 3.83. It also showed that parent and Islamic education factors were two main factors that contributed towards students' akhlak practices. These were followed by community, law enforcement and school environment factors. Two other weakest factors i.e. artists and peers were only at moderate level and it seems that these two factors less contributed to the students' akhlak practices.

Keywords: Islamic education, parent, teacher, akhlak, practices

1. PENDAHULUAN

Secara umumnya, objektif utama pelaksanaan sistem pendidikan Islam ialah untuk memberikan penekanan kepada aspek penghayatan melalui ilmu pengetahuan, kemahiran bagi membangunkan insan yang bertakwa kepada Allah SWT. Dalam membicarakan soal pendidikan Islam, terdapat perbezaan yang jelas antara pengajaran dan pembelajaran (P&P) pendidikan Islam berbanding matapelajaran-mata pelajaran lain. Pendidikan Islam adalah pengajaran yang merangkumi ilmu, amalan dan penghayatan secara berterusan sepanjang hayat seseorang. Dalam konteks pendidikan formal di Malaysia, mata pelajaran pendidikan Islam adalah diwajibkan oleh dipelajari semua murid-murid yang beragama

Islam sebagaimana yang telah diwartakan dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kurikulum-kurikulum Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah-sekolah secara umumnya memberikan tumpuan kepada dua komponen utama dalam akhlak iaitu akhlak dengan Allah SWT , akhlak sesama manusia, makhluk lain dan alam. Secara umumnya kandungan pendidikan akhlak kurikulum Pendidikan Islam KBSM dan KSSM yang ditawarkan adalah merangkumi semua komponen akhlak sebagaimana yang jelaskan secara detail oleh Darraz (1987). Melalui pelaksanaan KBSM diperingkat sekolah menengah, pendedahan pendidikan akhlak kepada murid-murid sahaja bukan hanya tertumpu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam iaitu Bahagian Akhlak Islamiyyah semata-mata, tetapi juga turut diaplikasikan secara gabung jalin dalam pengajaran bidang-bidang lain dalam pendidikan Islam serta diterapkan juga mata pelajaran lain dan juga aktiviti-aktiviti ko-kurikulum di sekolah-sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990). Walaupun kadangkala ianya menggunakan istilah nilai murni atau nilai moral, tetapi matlamatnya adalah untuk melahirkan generasi berperibadi mulia dalam kalangan murid-murid (Wan Hasmah 1993). Malah dalam KSSM yang baharu diperkenalkan, kurikulum ini dibina berasaskan enam tunjang utama iaitu (KPM, 2018):

“... Komunikasi Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran

kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif”.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah (pelajar) yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat, maka matlamat Pendidikan Islam dalam KSSM telah dinyatakan seperti berikut (KPM, 2015b; KPM 2016):

“Matlamat KSSM Pendidikan Islam adalah untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah SWT yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta menyumbang ke arah mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.”.

Maka, dalam konteks pendidikan formal, pihak KPM dan sekolah mempunyai kaedah dan mekanisme dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran akhlak samada di dalam atau luar bilik darjah dan sukatan pelajaran yang dibangunkan mempunyai cakupan yang sesuai dengan murid-murid. Iklim sekolah yang kondusif serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengajaran pembelajaran akan membantu perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor murid (Zakaria Stapa et al. 2012; Ab. Halim, 2015; Kamarul dan Ab. Halim, 2017). Malah

kejayaan kepimpinan Rasulullah s.a.w. adalah dengan melaksanakan pelbagai kaedah dan amalan seperti bersifat penyabar, penyayang, prihatin, bersikap adil, tulus serta memimpin secara praktikal iaitu melalui contoh teladan (Ibrahim al-Sadan; 1999). Ciri-ciri inilah seharusnya dicontohi oleh setiap pendidik hari ini dalam melaksanakan proses mendidik untuk melahirkan insan yang mulia di dalam masyarakat.

3. FAKTOR SOSIAL YANG MEMPENGARUHI AKHLAK MURID-MURID

Selain guru, terdapat berbagai bentuk cabaran yang perlu dihadapi dalam aspek pengamalan akhlak dalam kalangan murid-murid. Satu aspek utama kini ialah cabaran media sosial yang terbuka dengan budaya negatif berasaskan kepada keseronokan, pakaian dan budaya hidup bebas yang mengetepikan nilai-nilai dan ajaran Islam. Kandungan media ini secara halus telah membina satu khayalan dalam minda golongan remaja untuk mencontohi gaya hidup seleberati idola mereka yang penuh glamor. Media sosial yang sangat popular seperti Facebook, Facebook Messenger, YouTube, Instragram, Whatsapp, TikTok, Telegram, Wechat, Google+, LinkedIn, Skype, Line telah digunakan secara meluas di negara ini. Penggunaan media sosial menjadi semakin popular di Malaysia menjadi satu budaya baru dengan kewujudan alat mudah alih tanpa wayar. Ini semua memberikan kesan dalam aspek amalan Islam dalam kehidupan mereka.

Menurut al-Na'imy (1994) manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah

kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Ibn Khaldun (2000) juga menjelaskan, persekitaran yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik. Kini perkembangan revolusi industri 4.0 mendominasi segala perkara dan turut memberi kesan kepada anak-anak Muslim dalam lingkungan sosial mereka. Berbanding dengan generasi terdahulu, proses sosialisasi dan kematangan pada masa kini berlaku dengan keadaan yang berbeza-beza berdasarkan kepada faktor persekitaran yang ada. Pada asasnya, gaya kehidupan remaja Islam tidak boleh disamakan dengan gaya hidup remaja Barat kerana remaja Muslim perlu dididik dengan nilai-nilai keislaman dan yang berteraskan kepada tauhid dan akhlak Islam (Ab. Halim, 2015). Peranan sekolah kini memainkan peranan yang penting dan keadaan ini menjadi lebih kritikal akibat kesibukan ibubapa yang menyebabkan mereka tidak dapat memberikan tumpuan kepada pendidikan anak-anak bahkan mereka secara bebas menonton dan melayari laman-laman web tanpa pemantauan, bimbingan dan kawalan.

Satu kajian berkaitan amalan akhlak sosial Islam dalam kalangan murid bermasalah disiplin telah dijalankan di beberapa buah sekolah menengah kebangsaan negeri Pahang oleh Mohd Yusof Ali (2010). Kajian ini mendapati wujud hubungan yang positif antara pengamalan akhlak sosial Islam dalam kalangan murid bermasalah disiplin berdasarkan aspek ibu bapa, guru, rakan dan masyarakat. Kajian ini juga turut mendapati faktor yang banyak menyumbang kepada masalah disiplin dalam kalangan murid bermasalah disiplin ialah faktor media massa dan pengaruh persekitaran sosial masyarakat. Satu kajian yang telah pun dijalankan oleh Ab. Halim dan Zarin (2009) mendapati bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan dan berita tentang artis-artis

merupakan bahan yang dipaling diminati oleh para remaja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tempoh pendedahan yang tinggi terhadap media massa telah memberikan kesan yang negatif terhadap pegangan nilai-nilai akhlak. Umumnya, hampir keseluruhan saluran hiburan di radio, media soial dan televisyen di Malaysia yang dipenuhi dengan persembahan artis-artis popular dalam dan luar negara.

Selain faktor ibubapa dan masyarakat, aspek pencapaian akademik, pengalaman tinggal di asrama, dan kemudahan peranti komunikasi dan aliran sekolah memberikan kesan kepada amalan akhlak dalam kalangan murid-murid (Azhar, 2010). Menurut kajian Rohana et al. (2016) tahap pendidikan keagamaan yang dilalui oleh anak secara tidak formal bersama ibu bapa berada pada tahap tinggi, majoriti responden kajian berpendapat bahawa tingkah-laku ibu bapa menjadi contoh kepada akhlak Islam mereka. Seterusnya, kajian Rozmi et al. (2017) mendapati sosio-demografi remaja dan faktor keterlibatan seperti keluarga (pengawasan ibu bapa, pengurusan keluarga, pelekatan keluarga, tekanan keprihatinan keluarga, tekanan kehidupan), faktor persekitaran sosial (penglibatan aktiviti di sekolah, aktiviti berisiko di sekolah, komuniti, pelindung persekitaran sekolah, komuniti dan rakan sebaya) dan tingkah laku berisiko salah guna bahan.

Dalam melahirkan generasi akan datang yang tinggi keupayaan kognitifnya, penuh dengan nilai murni dan kuat pegangan ajaran agamanya, maka guru perlu bertindak sebagai penggerak kepada transformasi pendidikan negara (Noornajihan, 2011). Sehubungan dengan itu, guru dan sekolah merupakan pengaruh yang paling penting dalam perkembangan murid daripada segi fizikal, intelek, emosi dan sosialnya. Guru yang bersifat penyayang dan cekap menguruskan

aktiviti pengajaran pembelajaran dalam bilik darjah akan melahirkan murid yang berilmu, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara. Selain faktor bilik darjah dan pembelajaran formal, Azhar (2010) telah menjelaskan terdapat beberapa faktor sosial lain yang turut mempengaruhi amalan akhlak murid-murid seperti ibu bapa, rakan sebaya, masyarakat dan keperibadian guru itu sendiri.

4. METODOLOGI KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk mengkaji tahap pandangan murid-murid terhadap faktor sosial yang mempengaruhi amalan akhlak mereka. Rekabentuk kajian ini adalah kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*). Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada maklum balas dan persepsi murid-murid kerana mereka merupakan pihak yang melalui proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan data daripada sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi yang dipilih dari kalangan murid-murid sekolah menengah di Malaysia. Instrumen kajian ini adalah modifikasi daripada instrumen yang dibangunkan oleh Azhar (2010). Instrumen ini dinilai oleh seramai 30 orang pakar dan guru-guru pendidikan Islam yang berpengalaman di dalam 4 bengkel yang dijalankan. Kajian rintis telah melibatkan seramai 99 orang murid tingkatan empat daripada pelbagai aliran akademik telah dipilih secara rawak dari dua buah sekolah di negeri Selangor, satu mewakili kawasan luar bandar, dan satu mewakili kawasan bandar. Hasil analisis yang dijalankan, didapati nilai pekali alpha bagi tahap

kebolehpercayaan borang soal selidik yang digunakan adalah tinggi 0.869.

Jadual 1: Interpretasi skor purata (Skala *Likert* 5)

Skor purata	Interpretasi
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Diubahsuai daripada Pallant (2007)

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada murid-murid tingkatan empat dan enam rendah daripada pelbagai sekolah menengah di Malaysia iaitu sekolah menengah kebangsaan (SMK), sekolah berasrama penuh (SBP), sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan sekolah menengah teknik di Malaysia (SMT). Kaedah *multi stage cluster sampling* telah digunakan untuk memilih murid-murid sebagai sampel kajian ini (Burn, 2000; Cohen et al. 2000; Ary *et. al.* 1990). Unit-unit sampel ini dipilih secara rawak daripada kawasan-kawasan sampel tersebut berdasarkan sistem zon, negeri, daerah dan sekolah. Seramai 3,262 orang murid terlibat dalam kajian ini yang mana seramai 550 responden daripada zon utara, 539 responden daripada zon tengah, sementara zon selatan pula berjumlah 567, 570 responden daripada zon timur, 538 responden daripada Sabah dan 498 responden daripada Sarawak. Jumlah keseluruhan sampel kajian ini ialah 3262 orang murid. Berdasarkan jenis sekolah pula, 50% daripada responden adalah dari Sekolah Menengah Kebangsaan, 18% dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, 17% dari Sekolah Menengah Teknik dan 15% dari

Sekolah Berasrama Penuh. Daripada aspek jantina, 46% daripada responden yang terlibat adalah murid lelaki, manakala 54% adalah murid perempuan. Majoriti responden pula adalah murid-murid Tingkatan 4 iaitu sebanyak 84% dan 16% adalah murid tingkatan enam bawah. 46% responden pula adalah murid lelaki dan 54% responden adalah murid perempuan.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini merupakan dapatan kajian yang meliputi beberapa aspek sosial iaitu ibu bapa, guru, rakan-rakan, artis, sekolah, masyarakat serta undang-undang di dalam membentuk amalan akhlak dalam kalangan murid-murid.

5.1 Pengaruh Ibu bapa

Jadual 2: Pengaruh ibu bapa

BIL	IBU BAPA	KEKERAPAN DAN PERATUSAN					MIN	Sp.
		STS	TS	KS	S	SS		
E01	Tingkah laku ibu bapa saya menjadi ikutan diri saya.	114 (3%)	178 (5%)	814 (25%)	1346 (41%)	788 (24%)	3.78	0.99
E02	Maklum balas yang diberikan kedua ibu bapa saya terhadap tingkah laku saya mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	33 (1%)	61 (2%)	313 (10%)	1611 (49%)	1211 (37%)	4.20	0.77
E03	Ibu bapa menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku berakhlak.	16 (0%)	19 (1%)	141 (4%)	1109 (34%)	1949 (60%)	4.53	0.66
E04	Nasihat ibu bapa saya menjadi panduan daripada melakukan perbuatan yang tidak berakhlak.	234 (7%)	85 (3%)	158 (5%)	997 (31%)	1757 (54%)	4.22	1.14
		JUMLAH					4.18	0.59

Merujuk kepada jadual di atas, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengaruh ibu bapa dalam mempengaruhi pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap positif iaitu 4.18 (sp.=0.59). Ini disokong dengan dapatan item yang mendapat nilai min tertinggi pada bahagian ini iaitu item E03 “Ibu bapa menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku berakhlak” (min=4.53, sp.=0.66). Nasihat ibu bapa juga menjadi panduan kepada murid daripada melakukan perbuatan yang tidak berakhlak (E04, min=4.22, sp.=1.14). Begitu juga maklum balas yang diberikan kedua ibu bapa murid terhadap tingkah laku murid didapati mempengaruhi pembentukan akhlak diri mereka (E02, min=4.20, sp.=0.77). Namun begitu, tingkah laku ibu bapa dilihat kurang menjadi ikutan murid (E01, min=3.78, sp.=0.99).

5.2 Pengaruh keperibadian guru pendidikan Islam

Jadual 3: Pengaruh keperibadian guru pendidikan Islam

BIL	GURU PENDIDIKAN ISLAM	KEKERAPAN DAN PERATUSAN					MIN	Sp.
		STS	TS	KS	S	SS		
E05	Tingkah laku guru Pendidikan Islam saya menjadi ikutan diri saya.	42 (1%)	139 (4%)	643 (20%)	1391 (43%)	1021 (31%)	3.99	0.90
E06	Maklum balas yang diberikan oleh guru Pendidikan Islam terhadap tingkah laku saya mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	27 (1%)	67 (2%)	364 (11%)	1587 (49%)	1191 (36%)	4.19	0.78
E07	Guru Pendidikan Islam menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.	30 (1%)	52 (2%)	417 (13%)	1485 (45%)	1249 (38%)	4.19	0.79

E08	Nasihat guru Pendidikan Islam menjadi panduan daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak.	259 (8%)	113 (3%)	212 (6%)	1410 (43%)	1242 (38%)	4.00	1.14
JUMLAH							4.10	0.66

Merujuk kepada Jadual 3 merupakan analisis dapatan pengaruh guru Pendidikan Islam dalam pembentukan akhlak murid pula menunjukkan min keseluruhan berada pada tahap positif iaitu 4.10 ($sp.=0.66$). Selain itu bapa, guru Pendidikan Islam juga menjadi faktor pendorong yang kuat untuk murid mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak (E07, $min=4.19$, $sp.=0.79$). Maklum balas yang diberikan oleh guru Pendidikan Islam terhadap tingkah laku murid dapat mempengaruhi pembentukan akhlak diri mereka (E06, $min=4.19$, $sp.=0.78$). Nasihat guru Pendidikan Islam menjadi panduan kepada murid agar tidak melakukan perkara yang tidak berakhlak (E08, $min=4.00$, $sp.=1.14$), namun segelintir mereka yang tidak menjadikan tingkah laku guru Pendidikan Islam sebagai ikutan (E05, $min=3.99$, $sp.=0.90$).

5.3 Pengaruh rakan-rakan sebaya

Jadual 4: Pegaruh rakan-rakan sebaya

BIL	RAKAN-RAKAN SEBAYA	KEKERAPAN DAN PERATUSAN					MIN	Sp.
		STS	TS	KS	S	SS		
E09*	Tingkah laku rakan-rakan menjadi ikutan saya.	328 (10%)	409 (12%)	1347 (41%)	796 (24%)	352 (11%)	2.86	1.09
E10	Maklum balas yang diberikan oleh rakan-rakan terhadap tingkah laku saya mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	101 (3%)	207 (6%)	824 (25%)	1456 (45%)	636 (19%)	3.72	0.95
E11	Rakan-rakan menjadi faktor	79	163	831	1424	735	3.80	0.93

	pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.	(2%)	(5%)	(25%)	(44%)	(22%)		
E12	Nasihat rakan-rakan menjadi panduan untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhlak.	271 (8%)	196 (6%)	524 (16%)	1481 (45%)	761 (23%)	3.70	1.14
JUMLAH							3.52	0.53

*Item negatif yang telah dikodkan semula

Berdasarkan jadual di atas, dapatan menunjukkan nilai min keseluruhan bagi pengaruh rakan-rakan dalam pembentukan akhlak responden ialah 3.52 (sp.=053) iaitu berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian menunjukkan tingkah laku rakan-rakan kurang menjadi ikutan murid (E09, min=2.89, sp.=1.09), malah rakan-rakan dilihat menjadi faktor pendorong yang kuat untuk mereka mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak (E11, min=3.80, sp.=0.93). Selain itu, maklum balas yang diberikan oleh rakan-rakan terhadap tingkah laku mereka (E10, min=3.72, sp.=0.95) serta nasihat daripada rakan-rakan turut menjadi panduan untuk mereka memelihara diri dari melakukan perkara yang tidak berakhlak (E11, min=3.70, sp.=1.14).

5.4 Pengaruh Artis

Jadual 5: Pengaruh artis

BIL	ARTIS	KEKERAPAN DAN PERATUSAN					MIN	Sp.
		STS	TS	KS	S	SS		
E13*	Tingkah laku para artis menjadi ikutan diri saya.	1225 (38%)	831 (25%)	789 (24%)	267 (8%)	118 (4%)	3.86	1.12
E14	Maklum balas yang diberikan para artis terhadap akhlak golongan remaja	973 (30%)	718 (22%)	983 (30%)	427 (13%)	130 (4%)	2.39	1.16

	mempengaruhi akhlak diri saya.								
E15	Golongan artis menjadi pendorong kepada saya mengamalkan akhlak yang baik.	982 (30%)	678 (21%)	948 (29%)	469 (14%)	150 (5%)	3.58	1.19	
E16	Nasihat yang diberikan oleh para artis kepada golongan remaja menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perbuatan yang tidak berakhlak.	797 (24%)	538 (16%)	891 (27%)	734 (22%)	273 (8%)	3.26	1.28	
JUMLAH							3.27	0.56	

Melihat pengaruh artis pula, dapatan yang dipaparkan pada Jadual 5 menunjukkan bahawa min keseluruhan berada pada tahap sederhana iaitu 3.27 ($sp.=0.56$). Jika dapatan sebelum ini menunjukkan bahawa tingkah laku ibu bapa, guru dan rakan kurang menjadi ikutan murid, dapatan ini pula menunjukkan bahawa tingkah laku para artis dilihat menjadi ikutan diri murid (E13, $min=3.86$, $sp.=1.12$). Golongan artis turut menjadi pendorong kepada murid untuk mengamalkan akhlak yang baik (E15, $min=3.58$, $sp.=1.19$), serta nasihat yang diberikan oleh para artis kepada golongan remaja menjadi benteng untuk diri mereka dari melakukan perbuatan yang tidak berakhlak (E16, $min=3.26$, $sp.=1.28$). Namun begitu, maklum balas yang diberikan para artis terhadap akhlak golongan remaja kurang mempengaruhi akhlak diri mereka (E14, $min=2.39$, $sp.=1.16$).

5.5 Pengaruh persekitaran sekolah

Jadual 6: Pengaruh persekitaran sekolah

BIL	PERSEKITARAN SEKOLAH	KEKERAPAN DAN PERATURAN					MIN	Sp.
		STS	TS	KS	S	SS		
E17	Persekitaran sekolah saya menjadi panduan akhlak diri saya.	88 (3%)	145 (4%)	726 (22%)	1473 (45%)	607 (19%)	3.78	0.92
E18	Tindakan yang diambil terhadap salah laku murid melalui peraturan sekolah mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	66 (2%)	96 (3%)	444 (14%)	1586 (49%)	841 (26%)	4.00	0.86
E19	Persekitaran sekolah saya menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.	55 (2%)	105 (3%)	602 (18%)	1434 (44%)	838 (26%)	3.95	0.88
E20	Persekitaran sekolah saya menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhlak.	232 (7%)	231 (7%)	628 (19%)	1260 (39%)	678 (21%)	3.63	1.14
JUMLAH							3.84	0.70

Paparan pada jadual di atas menunjukkan bahawa item yang mendapat nilai min tertinggi ialah item E18 iaitu tindakan yang diambil terhadap salah laku murid melalui peraturan sekolah mempengaruhi pembentukan akhlak diri murid (min=4.00, sp.=0.86). Ini menunjukkan bahawa tindakan yang diambil atas salah laku murid memberi kesan yang positif kepada mereka. Persekitaran sekolah saya menjadi faktor pendorong (E19, m=3.95, sp.=0.88) dan panduan (E17, m=3.78, sp.=0.92) yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak. Namun begitu, persekitaran sekolah tidak mampu menjadi benteng untuk diri murid dari melakukan perkara yang tidak berakhlak (E20, min=3.63,

sp.=1.14). Nilai min keseluruhan bagi pengaruh persekitaran dalam pembentukan peribadi murid ialah 3.84 (sp.=0.70) iaitu berada pada tahap positif.

5.6 Pengaruh Masyarakat

Jadual 7: Pengaruh masyarakat

BIL	MASYARAKAT	KEKERAPAN DAN PERATURAN					MIN	Sp.
		STS	TS	KS	S	SS		
E21	Cara hidup dalam masyarakat menjadi panduan akhlak diri saya.	63 (2%)	120 (4%)	697 (21%)	1465 (45%)	680 (21%)	3.85	0.88
E22	Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui peraturan dalam masyarakat mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	80 (2%)	129 (4%)	561 (17%)	1537 (47%)	724 (22%)	3.89	0.90
E23	Cara hidup masyarakat yang positif menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak.	18 (1%)	38 (1%)	181 (5%)	1552 (48%)	1247 (38%)	4.31	0.69
E24	Budaya hidup yang positif dalam masyarakat menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhlak.	240 (7%)	160 (5%)	292 (9%)	1321 (40%)	1017 (31%)	3.90	1.16
JUMLAH							3.99	0.62

Dapatan pada Jadual 7 menunjukkan bahawa pengaruh masyarakat juga berada pada tahap positif iaitu 3.99 (sp.=0.62). Dapatan menunjukkan walaupun cara hidup dalam masyarakat dirasakan kurang menjadi panduan akhlak diri murid (E21, min=3.85, sp.=0.88), namun cara hidup masyarakat yang positif menjadi faktor pendorong yang kuat untuk

murid mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak (E23, min=4.31, sp.=0.69) serta budaya hidup yang positif dalam masyarakat dapat menjadi benteng untuk diri mereka dari melakukan perkara yang tidak berakhlak (E24, min=3.90, Sp.=1.16). Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui peraturan dalam masyarakat turut mempengaruhi pembentukan akhlak diri murid (E22, min=3.89, sp.=0.90).

5.7 Pengaruh penguatkuasaan undang-undang

Jadual 8: Pengaruh penguatkuasaan undang-undang

BIL	PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG	KEKERAPAN DAN PERATURAN					MIN	Sp.
		STS	TS	KS	S	SS		
E25	Undang-undang negara menjadi panduan akhlak diri saya.	80 (2%)	124 (4%)	684 (21%)	1460 (45%)	677 (21%)	3.83	0.91
E26	Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui undang-undang dalam negara mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	84 (3%)	115 (3%)	585 (18%)	1553 (48%)	695 (21%)	3.87	0.89
E27	Undang-undang mendorong saya mengamalkan sikap dan tingkahlaku berakhlak.	54 (2%)	79 (2%)	437 (13%)	1577 (48%)	890 (27%)	4.04	0.83
E28	Undang-undang negara menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhlak.	199 (6%)	176 (5%)	550 (17%)	1330 (41%)	783 (24%)	3.76	1.10
JUMLAH							3.88	0.72

Jadual 8 adalah dapatan mengenai pengaruh persekitaran sosial dari aspek undang-undang. Dapatan kajian menunjukkan undang-undang mendorong murid mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhlak (E27,

min=4.04, sp.=0.83). Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui undang-undang dalam negara juga dilihat mempengaruhi pembentukan (E26, min=3.87, sp.=0.89) dan menjadi panduan akhlak diri murid (E25, min=3.83, sp.=0.91). Namun begitu undang-undang negara ini tidak mampu menjadi benteng sepenuhnya untuk diri murid dari melakukan perkara yang tidak berakhlak (E28, min=3.76, sp.=1.10).

Jadual 9: Hubungan faktor sosial terhadap amalan akhlak murid-murid

PENGARUH PERSEKITARAN SOSIAL	MIN
Ibu bapa	4.18
Guru Pendidikan Islam	4.10
Rakan-rakan sebaya	3.52
Artis	3.27
Persekitaran sekolah	3.84
Masyarakat	3.99
Penguatkuasaan Undang-undang	3.88
KESELURUHAN	3.83

Jadual 9 di atas menunjukkan perbandingan nilai min bagi semua pemboleh ubah yang dikaji di dalam bahagian pengaruh persekitaran sosial dalam pembentukan akhlak responden. Dapatan menunjukkan ibu bapa (min=4.18) adalah yang paling berpengaruh dalam pembentukan peribadi murid. Ini kemudiannya diikuti dengan pengaruh guru Pendidikan Islam (min=4.10), masyarakat (min=3.99), undang-undang (min=3.88) dan persekitaran sekolah (min=3.84). Sementara itu, pengaruh rakan-rakan (min=3.52) dan artis (min=3.27) dilihat kurang memberi pengaruh kepada mereka. Nilai min keseluruhan bagi pengaruh persekitaran sosial ini didapati berada pada tahap agak tinggi iaitu 3.83.

6. PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini, murid-murid bersetuju bahawa ke tujuh-tujuh faktor sosial ini mempunyai pengaruh kepada amalan akhlak mereka. Dua faktor yang ketara ialah faktor ibu bapa dan guru pendidikan Islam mereka dan selaras dengan kajian-kajian sebelum ini yang menyatakan ibubapa dan guru mempunyai impak yang signifikan kepada perkembangan dan amalan akhlak murid (Azhar, 2010; Rohana et al.,2016; Rozmi et al.,2017) Dalam konteks masa kini, kemampuan untuk memahami perbezaan jurang digital ini akan memberikan kesan positif terhadap cara perhubungan dan komunikasi guru dan murid dan malah dapat memupuk motivasi dalam murid untuk belajar dengan lebih berkesan (Nur Hanani 2015).

Kajian juga menunjukkan murid-murid berpandangan peranan masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang mempunyai kesan yang penting kepada amalan akhlak mereka. Begitu juga dengan peranan yang persekitaran yang positif banyak turut memberikan kesan yang positif kepada mereka. Ketiga-tiga faktor ini iaitu masyarakat, penguatkuasaan undang-undang dan persekitaran sekolah mempunyai min pada tahap agak tinggi. Ia boleh dipertingkatkan lagi kerana ia memberikan kesan yang lebih baik jika peranan ketiga-tiga faktor dapat diberikan perhatian sebaiknya. Iklim sekolah yang kondusif serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengajaran pembelajaran akan membantu perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor murid (Zakaria Stapa et al. 2012).

Dalam melahirkan generasi akan datang yang tinggi keupayaan kognitifnya, penuh dengan nilai murni dan kuat pegangan ajaran agamanya, maka guru perlu bertindak sebagai penggerak kepada

transformasi pendidikan negara (Noornajihan, 2011). Sehubungan dengan itu juga, guru dan sekolah merupakan pengaruh yang paling penting dalam perkembangan murid daripada segi fizikal, intelek, emosi dan sosialnya.

Kajian ini juga menunjukkan dua faktor yang berada pada tahap sederhana dalam pembedaan dan amalan akhlak murid-murid iaitu faktor rakan sebaya dan artis. Kedua-dua faktor ini saling berkaitan kerana minat antara remaja sering berkaitan antara satu sama lain. Para artis dianggap sebagai ikon dan fenomena sosial yang boleh menarik minat remaja mempunyai peranan dan sumbangan terhadap proses pembentukan akhlak di kalangan remaja dengan cara menyemaikan nilai positif dan adab ketimuran melalui persembahan dan cara hidup mereka dan begitu juga sebaliknya (Azhar, 2010). Penampilan artis-artis sering dikaitkan dengan gaya hidup dan trend semasa yang semakin meluas terutama radio, televisyen dan media sosial. Malah kajian yang berkaitan alat media konvensional sebenarnya telah menimbulkan berbagai kritikan dalam kalangan masyarakat kerana memberikan ia kesan negatif kepada mereka. Sebagai contoh, Larking (1997) berpendapat bahawa televisyen yang merupakan antara media konvensional boleh menjadi “berhala zaman moden - modern day idolatry” di dalam rumah dan menjadi ancaman kepada pegangan agama generasi. Menurut Larking (1997:39), “television image promises to insulate our lives from reality by entertaining us. [Thus,] the television image can rob young people of their time, and bring them into bondage to itself”.

Remaja yang dikategorikan sebagai ketagih menonton televisyen menghadapi pelbagai masalah sosio-psikologi seperti kesedaran diri yang rendah, kerisauan dalam hubungan, kurang menerima perhatian

daripada keluarga, kurang berminat terhadap kerja sekolah, kurang mantap keyakinan agama, lebih percaya kepada perkara tahyul dan terlibat dalam masalah atau gejala seks dan keganasan, berbanding dengan rakan-rakan mereka yang kurang menonton televisyen (Francis 1997). Maka, impak yang negatif juga terdapat kepada murid-murid yang pada masa kini lebih terdedah dengan berbagai sumber hiburan media sosial yang terlalu banyak dan sukar dikawal.

7. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa faktor ibu bapa dan guru merupakan faktor yang penting dalam pembentukan dan amalan akhlak murid-murid yang mana min kedua-dua faktor ini berada pada yang tertinggi, Tiga faktor lain iaitu masyarakat, penguatkuasaan undang-undang dan persekitaran sekolah mempunyai min pada tahap agak tinggi akan memberikan kesan yang lebih baik jika peranan ketiga-tiga faktor dapat dipertingkatkan pelaksanaan. Dua item yang terendah ialah faktor rakan sebaya dilihat oleh murid-murid sebagai faktor yang kedua lemah dan faktor yang paling kurang menyumbang kepada amalan tingkah laku murid ialah arti. Maka, berdasarkan pandangan murid-murid, dapatlah dirumuskan bahawa peranan ibu bapa dan guru pendidikan Islam mempunyai kesan paling besar dalam pembentukan dan amalan akhlak dalam kalangan murid-murid sekolah menengah mereka manakala rakan sebaya dan artis adalah faktor yang paling lemah dalam aspek pembentukan dan amalan akhlak mereka.

8. RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2009. "Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media masa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar". *SARI*. 27(1): 199-212.
- Ab. Halim Tamuri. 2015. "Standardization of Islamic education excellence in the world." International Seminar Islamic Education in Global Era" di Institut Agama Islam Negeri Raden Intan Lampung, Indonesia pada 28 Desember 2015.
- Azhar Ahmad. 2010. *Strategi pembelajaran Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak*. Kuching: Profes.
- Ary, D., Jacobs, L.C. and Razavieh, A. 1996. *Introduction to research in education*. Orlando, Florida: Harcourt brace College Publishers.
- Burn, R.B. 2000. *Introduction to research methods*. London: Sage Publications
- Cohen, L. and Morrison, K. 2000. *Research methods in Education*, 5th Edition. London: Routledge Falmer.
- Darraz, Muhammad Abdullah. 1987. *Prinsip akhlak berdasarkan al-Quran*. Terj. Abdul Fatah Ibrahim, Mohd. Sulaiman bin Haji Yasin, Wan Amna Wan Yaacob & Abdullah Md Zin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ibnu Khaldun. 2000. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Francis, L.J. 1997. "The socio-psychological profile of the teenage television addict". *Muslim Education Quarterly*. 15 (1): 6-19.

- Ibrahim A., Al-Sadan. (1999). The Pedagogy of the Prophet. *Muslim Education Quarterly*, Vol.16 pp. 5-18.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri. 2017. *Kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Skudai: Penerbit UTM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1990. *Pukal Latihan KBSM*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1996. Laporan mesyuarat jawatan kuasa mengkaji kurikulum Pendidikan Islam. Ke arah pembentukan dan pengukuhan akhlak pelajar ke 2. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam dan Moral.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2002. Sukatan pelajaran Pendidikan Islam KBSM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 1.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015b. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 1.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 2.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tingkatan 4 dan 5.
- Larking, L. 1997. "Television, popular culture and humiliation of written word". *Muslim Education Quarterly*. 15 (1): 38-44.

- Mohd Yusof Ali. 2010. Amalan akhlak sosial Islam dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin telah dijalankan di sekolah menengah kebangsaan di negeri Pahang. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Na'imy, Abdullah al-Amin. 1994. *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibnu Khaldun dan Al-Qabisi*. Terj. Mohd. Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noornajihan Jaafar. (2012). Uslub Tariyyah Al-Tifl Bi Al-Qudwah Fi Daui Al-Sunnah Al-Nabawiyah. *HADIS*. 1:109-132
- Nur Hanani Hussin, 2015. Pengajaran Ibadat Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia
- Pallant. J. 2007. *SPSS Survival Manual*. Third Edition. Australia: Ligare Book Printer.
- Rohana Tan, Norhasni Zainal Abiddin dan Andi Suwirta. 2016. "Faktor yang Mempengaruhi Penghayatan Akhlak Islam dalam Kalangan Belia di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia" *INSANCITA: Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, Vol.1(1): 55-66. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim dan Salina Nen. 2017. Pengaruh Faktor Individu , Keluarga dan Persekitaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. *Akademika*. 87(April): 7-16.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012) Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan

Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)*: 155-172.

Wan Hasmah Wan Mamat. 1993. *Pelaksanaan pendidikan moral di sekolah: matlamat dan harapan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.